TERAS PERANCANGAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

TAHUN 2018

"Ke Arah Peningkatan Kesejahteraan Pendidikan"

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

PENGENALAN

Peranan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang akan dikaji semula selaras dengan usaha untuk menuju ke arah peningkatan sistem penyampaian pendidikan yang lebih berkesan dan berkualiti kepada murid-murid di negeri Pulau Pinang. Hasrat ini selari dengan Pelan Transformasi Daerah(DTP) dan `*Government Transformation Plan*' (GTP) yang berhasrat untuk menjajarkan semula peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

'*Micromanagement*' yang diamalkan dan menjadi budaya selama ini tidak lagi sesuai untuk diteruskan kerana perubahan-perubahan yang berlaku secara dinamik dalam dunia pendidikan di Malaysia khususnya di Pulau Pinang menuntut akan perlunya dilakukan perubahan.

'*Micromanagement*' atau mikropengurusan merupakan suatu bentuk pengurusan yangmelibatkan tumpuan yang lebih (terutamanya terhadap perkara-perkara kecil) daripada seorang ketua/pengurus kepada orang bawahannya. Selain itu, mikropengurusan membawa maksud, *"A management style whereby a manager closely observes and/or controls the work of his/her subordinates or employees"*. *'Micromanagement'* sebagai *"Management especially with excessive control or attention on details"* dan *"Management or control with excessive attention to minor details.*

Daripada kesemua skop tersebut, dapat disimpulkan bahawa '*micromanagement*' kini tidak lagi relevan diaplikasikan terutamanya di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa mencari kecemerlangan dari segi peranan di peringkat jabatan sendiri dan juga di peringkat pejabat pendidiikan daerah dan seterusnya di sekolah. Peranan ini marangkumi menjadikan sekolah berkualiti dan berkesan dan muridnya menjadi iaitu kemenjadian murid. Hasrat jabatan ini ialah senantiasa mencari jalan untuk `*raising the bar of excellence'* dalam pendidikan.

Ini bermaksud adalah tidak relevan lagi sekiranya semua sekolah di negeri Pulau Pinang dikawal sepenuhnya secara terus oleh JPN. Tugas tersebut adalah lebih sesuai dilakukan oleh setiap PPD yangbertanggungjawab terhadap setiap sekolah yang berada di bawah seliaannya untuk memastikan hala tuju pendidikan di negeri Pulau Pinang dapat dicapai selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) Gelombang 2.

Dalam gelombang kedua ini, penstrukturan semula kementerian dilaksanakan secara meluas di mana kementerian akan terus memberikan kuasa kepada JPN dan PPD supaya setiap kefungsian dalam organisasi menjadi lebih kemas dan selari dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kementerian akan memberikan lebih kuasa untuk membuat keputusan dan kebertanggungjawaban kepada JPN dan PPD. Tujuannya adalah untuk menghasilkan suatu model yang menggambarkan fungsi dan hala tuju yang sama tetapi dengan peranan yang berbeza di pelbagai peringkat.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) menggalas peranan yang sangat luas dalam menentukan hala tuju pendidikan di negeri Pulau Pinang. JPN bertanggungjawab dalam menentukan "*Key Performance Indicator*" atau KPI negeri. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, JPN memerlukan sokongan yang padu daripada setiap Pejabat Pendidikan Daerah untuk memastikan hala tuju tersebut dapat dicapai dengan berkesan. Seterusnya adalah menjadi tanggungjawab dan tugas PPD untuk memastikan setiap sekolah di bawah seliaan mereka mencapai KPI yang telah ditetapkan itu.

Selain itu, JPN juga berperanan dalam menentukan dan mengawal kualiti serta pada masa yang sama memberi fokus kepada pencapaian KPI dalam masa yang ditetapkan. Dapatan atau sumber untuk mencapai KPI tersebut harus diperoleh melalui pelbagai cara iaitu daripada data-data sedia ada atau data-data yang dikutip secara terus daripada murid, guru atau sekolah.

Peranan Pengetua dan Guru Besar (PGB) kini bukan hanya sekadar pelaksana di sekolah tetapi juga pencetus kepada memastikan sembilan bidang tugas utama Pengetua dan Guru Besar dilaksanakan secara berkesan. Semua sembilan bidang tugas utama tersebut merangkumi Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi, Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Hal Ehwal Murid, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Pentadbiran Pejabat, Pengurusan Persekitaran dan Kemudahan Fizikal Sekolah, Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia dan akhir sekali Pengurusan Perhubungan Luar.

Pemimpin sekolah diupayakan menjadi pemimpin instruksional yang berkesan, boleh dirujuk dan diteladani, selari dengan peranan yang digarisi dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, Gelombang Dua (SKPMg2). Dalam standard yang pertama, Pengetua dan Guru Besar (PGB) berperanan sebagai peneraju, pembimbing dan pendorong kepada guru-guru dan staf dibawah seliaan mereka. Peranan PGB sebagai '*game-changer*' harus juga difikir secara serius supaya sekolah boleh berperanan sebagai institusi yang diharapkan sesuai dengan kehendak abad dua puluh satu ini.Hal ini selari dalam anjakan ke-11dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025 iaitu hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.

Peranan pemimpin sekolah bukan sekadar itu sahaja, malah diharap dapat menjadi seorang pemimpin transformasional yang dapat mengubah institusi masing-masing sesuai dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan sekolah berkualiti dan berkesan dan berfokus kepada melahirkan modal insanyang menjadi.

Atas dasar itulah, Perancangan dan Hala Tuju Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang digubal untuk memastikan kualiti pendidikan di negeri Pulau Pinang sentiasa berada pada tahap yang cemerlang dan membanggakan seperti dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

MISI
Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera
VISI
Melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara
SLOGAN
Pendidikan Pulau Pinang di Persada Antarabangsa
DASAR KUALITI
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang Komited Dalam Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Proses Penyampaian Perkhidmatan Bagi Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Aspirasi Negara


Meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di negeri Pulau Pinang dalam aspek-aspek sebagaimana dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Meningkatkan mutu dan tahap profesionalisme warga pendidikan di Negeri Pulau Pinang dalam semua bidang dan peringkat
Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran pendidikan di Negeri Pulau Pinang dalam semua bidang
OBJEKTIF JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

INISIATIF

Inisiatif pendidikan di negeri Pulau Pinang adalah berfokus kepada Pengetua dan Guru Besar yang merangkumiempat komponen utama iaitu Kesejahteraan (*Well-Being*), Akademik (Kurikulum dan Kokurikulum), Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Staf.

Keempat-empat komponen ini sangat penting dalam memastikan hala tuju pendidikan di negeri Pulau Pinang mengikut acuan yang telah dirancang sejajar dengan moto JPN Pulau Pinang iaitu "Pendidikan Pulau Pinang di Persada Antarabangsa". Untuk tujuan itu, hala tuju yang dirangka adalah lebih "*futuristic*", sistematik dan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan 'delivery' sistem pendidikan di Pulau Pinang.

INISIATIF 1 : KESEJAHTERAAN (WELL-BEING)

- Meliputi aspek-aspek yang berikut:
  - Keselamatan kawasan dan bilik darjah
  - Langkah-langkah pencegahan
  - Tempat letak kenderaan
  - Pemadam api dan tatacara keselamatan
  - Budaya penyenggaraan

Keselamatan

- Meliputi aspek-aspek yang berikut:
  - Kantin dan dewan makan
  - Tandas
  - Kawasan sekitar
  - Bangunan (tingkap/kipas/lantai dan lain-lain)
  - Mengamalkan Budaya 5S (Sort, Set in Order, Shine, Standardize, Sustain)
  - Kempen kebersihan (Tatacara menjaga kebersihan di persekitaran)

Kesihatan

- Bertujuan untuk:
  - Menimbulkan keinginan murid untuk berada di sekolah.
  - Mengurangkan stress guru dan pelajar.

Keceriaan

- Pihak sekolah menjalinkan hubungan dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam usaha untuk meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sekolah melalui program sarana

Engagement

- Pihak sekolah perlu menghormati hak-hak murid sewaktu berada di dalam kawasan sekolah dengan memastikan semua keperluan murid di sekolah dapat dipenuhi dan memastikan sekolah berada dalam keadaan selamat untuk murid supaya prestasi dan pencapaian murid dalam akademik, kokurikulum dan sahsiah dapat dipertingkatkan.

Respect

INISIATIF 2 : AKADEMIK (KURIKULUM DAN KOKURIKULUM)

Merapatkan jurang analisis *headcount* dan jurang antara Bandar dan Luar Bandar serta jurang antara Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

Program Intervensi yang berkesan : Sekolah bersama-sama dengan PPD perlu merangka program pemulihan yang berkesan untuk meningkatkan tahap pencapaian murid di sekolah sama ada dalam bidang akademik, kokurikulum mahupun sahsiah.

Pemantauan dan Analisis : Guru-guru di sekolah perlu memantau dan membuat analisis pencapaian akademik dan kokurikulum murid di sekolah supaya dapat mengenalpasti kelemahan dan mencari penyelesaian seterusnya membuat penambahbaikan agar peratus pencapaian dan peratus melepasi tahap minimum dapat ditingkatkan.

Keberkesanan Pelaksanaan : Sekolah perlu mengkaji sejauh mana tahap keberkesanan setiap program yang dijalankan untuk memastikan setiap program yang dilaksanakan dapat meningkatkan prestasi murid dalam setiap bidang

"Niche Area" : Merupakan satu identiti sekolah yang perlu digilap dan ditonjolkan oleh setiap sekolah sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Sekolah perlu mengenalpasti dan fokus kepada meningkatkan prestasi dan kemenjadian murid dalam "Niche Area" tersebut supaya identiti sekolah dapat ditonjolkan.

Penyelesaian masalah dalam akademik di sekolah menggunakan *Management Tools* untuk memastikan keberkesanan hala tuju yang telah dirangka. Antara *management tools* yang boleh dipraktikkan ialah:

- **Analisis SWOT:** Suatu bentuk analisis yang mengetengahkan situasi dan analisis yang bersifat deskriptif iaitu memberi gambaran berdasarkan empat elemen iaitu *S - Strength, W - Weaknesses, O - Opportunities, dan T - Threats.*
- **TOWS Matrix Diagram:** Digunakan untuk membuat analisis peluang (Opportunities) dan ancaman (Treats) dengan menganalisis kekuatan (Strength) dan kelemahan (Weaknesses) sesebuah organisasi. Setelah mengenal pasti ancaman, peluang, kelemahan dan kekuatan, PGB perlu mengenal pasti cara bagaimana untuk menggunakan peluang yang telah dikenal pasti dan mengurangkan ancaman dengan menggunakan kekuatan yang dikenal pasti untuk mengatasi kelemahan yang ada.
- **Ishikawa Diagram:** Juga dikenali sebagai *Fishbone Diagram* atau *Cause and Effect* diagram yang digunakan untuk mengkategorikan sebab-sebab yang menjadi potensi kepada sesuatu masalah dalam usaha untuk mencari punca masalah tersebut.
- **4W1H Analisis:** Merupakan analisis yang dibuat berdasarkan lima *variable* utama iaitu "What, Where, Who, When dan How".
- **McKinsey 7S Model:** Digunakan untuk membuat analisis berkaitan sebarang perubahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi berdasarkan tujuh elemen utama iaitu strategi, struktur, sistem, perkongsian nilai, cara, kakitangan dan kemahiran untuk mengenal pasti sama ada selari dan menepati kehendak sesebuah organisasi untuk mencapai objektif yang telah digariskan.

INISIATIF 3 : PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan melibatkan beberapa perkara yang perlu dititikberatkan untuk menjamin dan memastikan kewangan berada pada tahap yang cemerlang dan sistematik. Antara perkara yang perlu dititikberatkan ialah:

"ZERO ADUAN"

- Pengetua dan Guru Besar perlu memastikan dan berusaha supaya tiada aduan berkaitan pengurusan kewangan di sekolah diterima kerana perkara ini akan menunjukkan ketidakcekapan Pengetua dan Guru Besar dalam mengurus tadbir kewangan di sekolah.

AUDIT BERSIH

- Pengetua dan Guru Besar perlu memastikan kewangan sekolah berada dalam keadaan baik, sentiasa dikemaskini, teratur dan tanpa sebarang ralat supaya audit kewangan yang dilakukan sentiasa dalam keadaan baik.

Value For Money

- Pengetua dan Guru Besar perlu memastikan perbelanjaan di sekolah tidak membazir dan perbelanjaan tersebut digunakan sepenuhnya untuk tujuan kemenjadian murid di mana wang tersebut digunakan untuk membeli keperluan-keperluan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

"Focus on Well-Being"

- Pengetua dan Guru Besar perlu lebih peka dalam perbelanjaan sekolah di mana setiap wang yang dibelanjakan perlu berfokus kepada kemenjadian murid mengikut keperluan dan wang tersebut tidak boleh sewenang-wenangnya dibelanjakan

Teratur / Siap / Lengkap

- Pengetua dan Guru Besar perlu memastikan setiap perbelanjaan direkod dengan baik dan sistematik untuk mengelakkan sebarang masalah kecelaruan berkaitan rekod keluar-masuk wang sekolah.

INISIATIF 4 : PEMBANGUNAN STAF (STAFF DEVELOPMENT)

Pembangunan staf merupakan satu bentuk program latihan dan perkembangan staf yang terdiri daripada satu set aktiviti yang dirancang oleh organisasi untuk memberi peluang kakitangan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kompetensi bagi memenuhi tuntutan kerja masa kini dan masa hadapan.

Pembangunan staf bertujuan untuk membolehkan semua pekerja dalam organisasi seperti sekolah, memperbaiki atau menambah pengetahuan dalam bidang akademik serta tahap profesionalnya dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan serta menstruktur suasana pembelajaran yang secara kooperatif atau kolaboratif. Pembangunan staf meliputi beberapa aspek. Antaranya ialah:

i. **Professional Learning Community (PLC) :**Merujuk kepada para pendidik yang komited dan bekerja secara kolaboratif serta berterusan dalam membuat inkuiri atau kajian tindakan untuk mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid-murid mereka. PLC merupakan sebahagian daripada Kualiti Guru di bawah NKRA untuk meningkatkan pengajaran guru dan pembelajaran murid di sekolah-sekolah di seluruh negara. PLC merupakan salah satu usaha kolektif staf di sekolah dengan menumpukan kepada :

   - menggunakan kemahiran dan pengetahuan guru
   - membina hubungan yang berkualiti
   - mempunyai program yang sangat berfokus
   - menggerakkan sumber-sumber sedia ada
   - berkongsi kepimpinan

ii. **Tingkatkan penghayatan KSSR/KSSM:** KSSR dan KSSM bertujuan untuk melahirkan modal insan yang kreatif, kritis, inovatif dan memiliki kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, guru-guru perlu mendapat bimbingan khusus mengenai KSSR dan KSSM supaya semua guru dapat memahami dan menghayati konsep dan pendekatan KSSR dan KSSM dalam menjalankan PdPc di sekolah

iii. **School-Based Evaluation:** Merujuk kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau singkatannya PBS yang merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan Malaysia. PBS bertujuan untuk melihat kemajuan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid secara adil dan saksama serta mendapatkan gambaran keseluruhan tentang potensi murid. Melalui program pembangunan staf, guru-guru dibimbing untuk melakukan pentaksiran kepada murid menggunakan kaedah pentaksiran yang pelbagai untuk menilai hasil pembelajaran

iv. **Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21):** Kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju. Guru-guru perlu bersedia untuk menerima perubahan dan dapat pula mengurus perubahan dengan cekap dan berkesan agar pembelajaran dan pemudahcaraan menjadi lebih baik dan memenuhi keperluan murid. Guru-guru perlu dibimbing untuk menggunakan pedagogi abad ke-21 dalam menjalankan PdPc di dalam kelas.

INISIATIF

BIL	OBJEKTIF / SASARAN	INISIATIF	TOV	KPI
1.	Pengupayaan Kepimpinan Instruksional di sekolah	PGB sebagai; a. Peneraju b. Pembimbing c. Pendorong d. *Sharing practices & beliefs*	Dapatan Standard 1 SKPMg2	Pemimpin Instruksional yang berkualiti di setiap sekolah sesuai dengan anjakaan ke-5 PPPM 2013 – 2015 (Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah)
2.	Peningkatan Kepimpinan Umum Pengetua dan Guru Besar (PGB)	• Sesi perkongsian program dalam kalangan PGB • *Afternoon professional discourse* • *Buddy caucus* • Lawatan *on-site* PGB • 9 bidang pengurusan	Dapatan Standard 1 dan Standard 2 SKPMg2	Pemimpin Transformasional yang berkesan di setiap sekolah sesuai dengan anjakaan ke-5 PPPM 2013 – 2015 (Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah)
3.	Pengupayaan Pemimpin Pertengahan Sekolah (Middle Leaders)	• Sesi Perkongsian • Pementoran • Sesi Bimbingan	Perkongsian Amalan Terbaik di setiap daerah	Perkongsian Amalan Terbaik dari setiap daerah ke peringkat negeri
4	Pengamalan PdPc Abad ke-21 di dalam bilik darjah	• *Sharing & Practices Professional Learning Community* (PLC) • Pembudayaan 4K 1N dalam PdP.	Penataran PAK21 oleh JPNPP kepada SIC+ dan SIP+ Tinjauan Pelaksanaan PdP Abad ke-21 oleh Sektor Akademik JPNPP ke sekolah rendah dan menengah Pulau Pinang • Jumlah sekolah rendah = 22 • Jumlah sekolah menengah = 24	100% sekolah di Pulau Pinang menerima penataran berkaitan PAK21 daripada SISC+ dan SIP+ Tinjauan Pelaksanaan PdP Abad ke-21 oleh Sektor Akademik JPNPP ke sekolah rendah dan menengah Pulau Pinang • Jumlah sekolah rendah = 30 • Jumlah sekolah menengah = 30

INISIATIF

BIL	OBJEKTIF / SASARAN	INISIATIF	TOV	KPI
5.	Kesejahteraan dan komunikasi berkesan dalam sekolah • PGB dengan Guru • Guru dengan Murid • PGB dengan waris murid	• *Coaching and Mentoring* • *Peer Communication and Advice* • *Onsite visits* • *Discourse*	Dapatan SKPMg2	Taraf pencapaian sekurang-kurangnya Baik (Melebihi peratus pencapaian 80%)
6.	Penguasaan murid(sekurang-kurang lulus dalam mata pelajaran tertentu) Sekolah rendah:BM, BI, & Matematik Sekolah menengah : B.M dan Sejarah	• Program intervensi berfokus • PdPc berkesan • Pemantauan berkesan • Khidmat bantu kurikulum	-	Rujuk Lampiran A
7.	Kemenjadian Murid • Akademik	• Pemantapan PdPc dalam bilik darjah • Intervensi yang spesifik • Instrumen penilaian pelajar 'headcount' • *Learning Tools* dan *Management Tools* • Peta pemikiran	-	• Keputusan peperiksaan awam (UPSR dan SPM) yang dicapai. • Keputusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). • Pelaporan Profil Murid (PPM).
8.	Kemenjadian Murid • Kokurikulum	• 'Mass participation' dalam kelab/ persatuan, badan beruniform dan sukan/ permainan • Penyertaan meneluruh dalam kokurikulum • Penyertaan berkualiti di pelbagai peringkat • Penyertaan dalam bidang-bidang baharu.	80% 93% 100% 90%	90% 96% 100% 92%

INISIATIF

BIL	OBJEKTIF / SASARAN	INISIATIF	TOV	KPI
9.	Kemenjadian Murid • Sahsiah	Kurangnya murid terlibat dalam kes-kes ringan, sederhana dan berat.	Jumlah kes salahlaku disiplin yang dilaporkan dalam SSDM sebanyak 8604 kes pada tahun 2017	Peratus penurunan kes salahlaku disiplin sebanyak 0.01%
10.	Peningkatan penggunaan VLE dalam PdP di Sekolah	Program Penghayatan *Intelligent Judgement* oleh kepimpinan sekolah dalam membuat keputusan	-	• 100% sekolah di Pulau Pinang menggunakan VLE dalam PdP. • Kadar peratus login VLE di sekolah akan diputuskan kelak oleh BTPN.
11.	Pembestarian Sekolah	Program Penghayatan *Intelligent Judgement* oleh kepimpinan sekolah dalam membuat keputusan	2.8% sekolah mendapat 5 bintang dalam penarafan SSQS 3.0 2018	30% sekolah mendapat 5 bintang dalam penarafan Smart School Qualification Standard (SSQS) 3.0 2018
12.	Pewujudan Bilik PAK21 di sekolah	Pewujudan Bilik PAK21 di sekolah yang terpilih di Pulau Pinang	Bergantung kepada peruntukan yang diterima daripada KPM	15% sekolah yang terpilih di Pulau Pinang mempunyai bilik PAK21
13.	Pertandingan Pengimarahan Surau	Penyertaan sekolah secara berkesan dalam pertandingan pengimarahan surau	• Penyertaan sekolah : 60 Sekolah menyertai (2017) • Pencapaian: 1 Naib Johan dan 1 Johan (2017)	• Penyertaan sekolah : 70 sekolah menyertai (2018) • Pencapaian: 2 Johan (2018)

PELAKSANAAN PERANCANGAN JPNPP 2018

Pelaksanaan Perancangan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang ini akan dapat dijayakan melalui pendekatan seperti berikut :

- Komitmen dan penglibatan sepenuhnya daripada warga pendidikan Pulau Pinang khususnya di peringkat PPD dan sekolah di Negeri Pulau Pinang
- Mengamalkan budaya kerja berpasukan atau "Team Work"
- Maklum balas berkala dan fokus ke arah hala tuju yang telah digariskan
- Perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan semua yang terlibat

KESIMPULAN

Penyediaan Perancangan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang 2018 ini merupakan satu usaha berterusan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang yangbertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti pendidikan di negeri Pulau Pinang sejajar dengan moto JPN Pulau Pinang iaitu "Pendidikan Pulau Pinang di Persada Antarabangsa". Dalam usaha JPN Pulau Pinang ke arah merealisasikan impian tersebut, berbagai-bagai inisiatif perlu dirancang dan dilaksanakan dengan baik dan teliti oleh semua pihak yang terlibat iaitu warga JPN Pulau Pinang sendiri bersama-sama dengan Pejabat Pendidikan Daerah dan semua sekolah di negeri Pulau Pinang. Semua perancangan ini sudah pasti tidak akan terlaksana sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Sehubungan dengan itu, diharapkan perancangan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang 2018 ini akan menjadi sumber rujukan utama bagi merealisasikan hasrat JPN Pulau Pinang untuk meningkatkan prestasi dan mengekalkan kecemerlangan pendidikan di negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melakukan proses `connecting the dots' di pelbagai peringkat pelaksanaan dan penyampaian ke arah pencapaian tahap pendidikan yang berkualiti.

LAMPIRAN A

PERATUS LULUS MATAPELAJARAN/GRED MATAPELAJARAN MENGIKUT MATA PELAJARAN DAN JENIS PEPERIKSAAN

Bil	% Lulus Minimum Mata Pelajaran (SPM)	AR 2016	ETR 2017
1	% Lulus Sejarah	84.06	86.06
2	% Lulus Bahasa Melayu	89.18	91.18

Bil	% Lulus Minima Mata Pelajaran (UPSR)	AR 2017	ETR 2018
1	B MELAYU PEMAHAMAN - SK	97.51	99.51
2	B MELAYU PENULISAN - SK	96.91	98.91
3	B INGGERIS PEMAHAMAN - SK	87.55	89.55
4	B INGGERIS PENULISAN - SK	78.90	80.90
5	MATEMATIK - SK	80.40	82.40
6	B MELAYU PEMAHAMAN - SJKC	91.90	93.90
7	B MELAYU PENULISAN - SJKC	86.51	88.51
8	B INGGERIS PEMAHAMAN - SJKC	91.87	93.87
9	B INGGERIS PENULISAN - SJKC	86.58	88.58
10	MATEMATIK - SJKC	94.36	96.36
11	B MELAYU PEMAHAMAN - SJKT	88.04	90.04
12	B MELAYU PENULISAN - SJKT	77.78	79.78
13	B INGGERIS PEMAHAMAN - SJKT	86.99	88.99
14	B INGGERIS PENULISAN - SJKT	73.13	75.13
15	MATEMATIK - SJKT	91.30	93.30

Bil	Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) (SPM)	AR 2016	ETR 2017
1	Sejarah	5.20	5.15
2	Bahasa Melayu	4.82	4.77

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

MISI, VISI & SLOGAN JPNPP

MISI — Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

VISI — Melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara

SLOGAN — Pendidikan Pulau Pinang di Persada Antarabangsa

DASAR KUALITI — Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang Komited Dalam Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Proses Penyampaian Perkhidmatan Bagi Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Aspirasi Negara

OBJEKTIF JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

- Meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di negeri Pulau Pinang dalam aspek-aspek sebagaimana dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Meningkatkan mutu dan tahap profesionalisme warga pendidikan di Negeri Pulau Pinang dalam semua bidang dan peringkat
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran pendidikan di Negeri Pulau Pinang dalam semua bidang

OBJEKTIF JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

INISIATIF JPNPP

KESEJAHTERAAN (*WELL-BEING*)
- Meningkatkan tahap Keselamatan di sekolah.
- Meningkatkan tahap kebersihan kawasan sekolah untuk menjamin kesihatan murid dan warga sekolah.
- Memastikan Keceriaan sekolah dipertingkatkan.
- Meningkatkan "*Engagement*" sekolah dengan pihak luar melalui program sarana.
- Membudayakan "*Respect*" di sekolah.

AKADEMIK (KURIKULUM & KOKURIKULUM)
- Merapatkan jurang analisis headcount
- Merancang Program Intervensi yang berkesan
- Mengadakan Pemantauan dan Analisis
- Mengkaji keberkesanan pelaksanaan setiap program yang dianjurkan.
- Mewujudkan "*Niche Area*" sekolah.
- Penyelesaian masalah menggunakan "*Management Tools*"

PENGURUSAN KEWANGAN
- Memastikan "*Zero* Aduan" di sekolah.
- Memastikan kewangan berkeadaan Audit Bersih
- Menjamin setiap perbelanjaan adalah "*Value For Money*"
- Setiap perbelanjaan mestilah "*Focus on Well-Being*"
- Merekodkan setiap perbelanjaan secra "*Teratur / Siap / Lengkap*"

PEMBANGUNAN STAFF (STAFF DEVELOPMENT)
- Membudayakan "*Professional Learning Community*" (PLC)
- Tingkatkan penghayatan KSSR/KSSM
- Membudayakan Pedagogi Abad 21
- Membudayakan "*School-Based Evaluation*"

ASPEK INISIATIF

- Pengupayaan Kepimpinan Instruksional di sekolah
- Peningkatan Kepimpinan Umum Pengetua dan Guru Besar (PGB)
- Pengupayaan Pemimpin Pertengahan Sekolah (Middle Leaders)
- Pengamalan Pdpc abad ke-21 dalam bilik darjah
- Kesejahteraan dan komunikasi berkesan dalam sekolah
- Penguasaan pelajar (sekurang-kurang lulus dalam mata pelajaran tertentu iaitu BM, BI & Matematik bagi UPSR dan BM & Sejarah bagi SPM)
- Kemenjadian Murid (Akademik, Kokurikulum dan Sahsiah)
- Peningkatan penggunaan VLE dalam pdp di Sekolah
- Pembestarian Sekolah (Smart School Qualification Standards)
- Pewujudan Bilik PAK21 di sekolah
- Pertandingan Pengimarahan Surau

Pelaksanaan Perancangan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang ini akan dapat dijayakan melalui pendekatan seperti berikut :

- Komitmen dan penglibatan sepenuhnya daripada warga pendidikan Pulau Pinang khususnya di peringkat PPD dan sekolah di Negeri Pulau Pinang
- Mengamalkan budaya kerja berpasukan atau "Team Work"
- Maklum balas berkala dan fokus ke arah hala tuju yang telah digariskan
- Perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan semua yang terlibat

Tel : +604 657 5500
Faks : +604 658 2500
Laman Web : http://www.moe.gov.my

DTP

http://bit.do/teras-perancangan-2018

© Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2018